

Tun M akui Wawasan 2020 tidak kesampaian

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui Wawasan 2020 yang digagaskan beliau pada 1991 untuk menjadikan Malaysia negara maju pada tahun depan, tidak kesampaian.

Kegagalan itu, kata Perdana Menteri, antara lain disebabkan cara pentadbiran kerajaan terdahulu tidak menumpukan usaha meningkatkan sosioekonomi rakyat kelas pertengahan, sebaliknya fokus kepada pemberian bantuan dan subsidi semata-mata.

“Wawasan 2020 bertujuan menjadikan negara maju, tetapi 15 tahun kebelakangan ini, tiada usaha untuk mencapai matlamat itu. Sepanjang tempoh itu, kita hanya saksikan pemberian tunai kepada rakyat.

“Ramai miskin kerana tidak faham kepentingan pengurusan kewangan, malah menganggap wang ialah sekadar bahan pertukaran untuk membeli barang,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, di sini semalam.

Katanya, kerajaan sekarang akan mendidik golongan miskin dalam menguruskan wang dengan baik serta melatih mereka supaya daya saing kumpulan terbabit meningkat.

*Wawasan 2020
bertujuan
menjadikan negara
maju, tetapi 15 tahun
kebelakangan ini,
tiada usaha untuk
mencapai matlamat
itu.*

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*